

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 21.05.2026 MASA: 4.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN TEMPAT LETAK KENDERAAN,
GELANGGANG FUTSAL DAN LAIN-LAIN BERKAITAN
DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 3235 MUKIM 12 JALAN
PERMATANG MANGGIS, SEBERANG PERAI UTARA
UNTUK MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 MEI 2026 (AHAD)
11.30 PAGI**

**SEBAHAGIAN LOT 3235 MUKIM 12 JALAN PERMATANG
MANGGIS, SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid
Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha CA LAr. Shaqhrony Bin Md Yusoff@Jamaludin
Pengarah Landskap Merangkap Penyelaras Program

Yang Berusaha Dato' Omar Bin Haji Abd Hamid
Penyelaras Kadun Permatang Berangan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, syukur ke hadrat ***Allah SWT*** kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang penuh bermakna dan bersejarah, iaitu **Majlis Perasmian Tempat Letak Kenderaan, Gelanggang Futsal Dan Lain-Lain Berkaitan Di Atas Sebahagian Lot 3235 Mukim 12 Jalan Permatang Manggis, Seberang Perai Utara.**
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dif-dif jemputan, pihak Pejabat Penyelaras KADUN Permatang Berangan, rakan-rakan media, warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), komuniti setempat serta tuan-tuan dan puan-puan yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hari ini bukan sekadar hari perasmian sebuah gelanggang futsal atau kawasan tempat letak kenderaan. Hari ini sebenarnya melambangkan satu lagi langkah besar MBSP dalam memperkukuhkan agenda

pembangunan komuniti yang lebih inklusif, lebih sejahtera dan lebih manusiawi.

4. Kita sering berbicara tentang pembangunan bandar. Namun pada pandangan saya, sebuah bandar yang benar-benar berjaya bukan hanya diukur melalui bangunan tinggi atau jalan raya yang luas, tetapi bagaimana sebuah bandar itu mampu menyediakan ruang yang menyatukan masyarakat, menghidupkan interaksi komuniti dan membina masa depan generasi muda.
5. Atas sebab itulah projek ini dilaksanakan. Dengan kos keseluruhan sebanyak RM383,844.00, projek ini telah dibangunkan di atas kawasan seluas kira-kira 1.5 ekar milik MBSP di Jalan Permatang Manggis ini sebagai satu simbol komitmen berterusan MBSP dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih tersusun, kondusif dan berkualiti demi kesejahteraan komuniti setempat.
6. Lokasi ini amat strategik kerana berada berhampiran kawasan kediaman dan komuniti seperti Kampung Pokok Ketapang, Taman Cempedak, Taman Sepadu, Taman Haji Ahmad Jamil, Kampung Permatang Berangan dan Kampung Pengkalan Batu. Ini bermakna manfaat projek ini akan dirasai secara langsung oleh penduduk sekitar tanpa mengira usia dan latar belakang.
7. *Alhamdulillah*, dalam tempoh kontrak selama 20 minggu, projek ini berjaya direalisasikan dengan pelaksanaan yang tersusun dan terancang melalui dua fasa utama. Fasa pertama melibatkan

pembinaan tempat letak kenderaan menggunakan *interlocking paver* bagi memastikan susun atur parkir yang lebih sistematik, selamat dan selesa kepada pengguna.

8. Manakala fasa kedua pula melibatkan pembinaan gelanggang futsal lengkap dengan pagar *anti climb*, bangku taman *cast insitu*, tong sampah serta kerja-kerja landskap yang merangkumi penanaman pokok teduhan, pokok renek dan rumput demi mewujudkan suasana yang lebih nyaman, hijau dan kondusif.
9. Saya percaya, apabila kemudahan seperti ini diwujudkan, kita sebenarnya sedang membina lebih daripada sekadar infrastruktur. Kita sedang membina peluang. Peluang untuk anak-anak muda mengisi masa dengan aktiviti sihat. Peluang untuk keluarga berkumpul dan beriadah. Peluang untuk komuniti saling mengenali dan mengeratkan hubungan sosial.
10. Kita mahu melihat gelanggang ini bukan sekadar menjadi tempat bermain futsal, tetapi menjadi ruang melahirkan disiplin, semangat kesukanan, perpaduan dan mungkin juga bakal-bakal atlet yang akan mengharumkan nama Seberang Perai suatu hari nanti.
11. Dalam masa yang sama, saya amat berbangga kerana projek ini turut dilaksanakan dengan mengambil kira pendekatan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB), iaitu pendekatan pembangunan yang mendengar suara rakyat dan mengambil kira keperluan sebenar komuniti. Ini membuktikan bahawa MBSP bukan sekadar

membangunkan projek untuk rakyat, tetapi membangunkan projek bersama rakyat.

12. Inilah semangat sebenar aspirasi Penang2030; sebuah negeri yang berfokus kepada keluarga, komuniti dan pembangunan mampan. MBSP akan terus komited memperkukuhkan penyediaan kemudahan awam yang berkualiti, selamat, hijau dan berdaya huni demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.
13. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Omar Bin Haji Abdul Hamid serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Sesungguhnya kejayaan hari ini adalah hasil kerjasama dan komitmen bersama.

Hadirin sekalian,

14. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada seluruh komuniti agar bersama-sama menjaga dan memanfaatkan kemudahan ini dengan sebaiknya. Infrastruktur yang baik tidak akan memberi makna sekiranya tidak dipelihara. Saya berharap komuniti di kawasan ini akan sentiasa hidup dengan aktiviti sihat, dipenuhi semangat kebersamaan dan menjadi contoh kepada komuniti lain di Seberang Perai.
15. Saya juga berharap agar pembangunan seperti ini akan terus menjadi pemangkin kepada pembentukan komuniti yang lebih aktif, lebih

prihatin terhadap kesihatan, lebih bersatu dan lebih menghargai ruang awam yang disediakan.

16. *Insya-Allah*, MBSP akan terus bergerak ke hadapan sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang progresif dan responsif terhadap keperluan rakyat. Kita mahu memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan benar-benar memberi nilai tambah kepada kehidupan masyarakat.
17. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Tempat Letak Kenderaan, Gelanggang Futsal Dan Lain-Lain Berkaitan Di Atas Sebahagian Lot 3235 Mukim 12 Jalan Permatang Manggis, Seberang Perai Utara.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.